



# ASEAN PARLIAMENTARIANS FOR HUMAN RIGHTS

## KENYATAAN KEPADA AS DAN ASEAN DI MYANMAR

### **Kenyataan Media kepada AS dan ASEAN mengenai Myanmar menjelang sidang kemuncak di Washington**

Ahli Parlimen dari Asia Tenggara menggesa Amerika Syarikat dan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) untuk mengambil peluang dalam sidang kemuncak yang akan datang di Washington untuk meningkatkan tekanan mereka terhadap tentera junta Myanmar, yang melakukan rampasan kuasa pada Februari tahun lalu dan telah membawa negara tersebut ke dalam keadaan huru-hara sejak itu.

Pemimpin ASEAN dan Amerika Syarikat telah mengisyiharkan bahawa mereka berhasrat untuk meningkatkan perkongsian strategik mereka untuk kebaikan rakyat ASEAN dan Amerika Syarikat. Dalam semangat itu, Ahli Parlimen ASEAN untuk Hak Asasi Manusia (APHR) menasihatkan bahawa mereka harus mengambil langkah konkret untuk menangani ancaman yang wujud terhadap keamanan, pembangunan ekonomi dan keselamatan hak asasi manusia di Asia Tenggara yang dibangkitkan oleh krisis di Myanmar.

*“Biar ulang tahun ke-45 hubungan diantara AS-ASEAN ini menjadi kesempatan bagi kerajaan AS dan ASEAN untuk memulakan fasa baharu dalam hubungan mereka yang benar-benar memberi manfaat kepada rakyat dan meletakkan hak asasi manusia dan pencegahan kekejaman, di Myanmar dan di tempat lain, sebagai keutamaan dalam agenda tersebut. Mereka tidak boleh lagi mengabaikan ancaman junta di Myanmar terhadap keselamatan berjuta-juta orang di Asia Tenggara,”* kata Charles Santiago, Ahli Parlimen dari Malaysia, dan Penggerusi APHR.

Krisis semasa ini adalah sepenuhnya dan semata-mata disebabkan oleh junta, yang diketuai oleh Jeneral Kanan Min Aung Hlaing, yang menggulingkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi yang dipimpin oleh Aung San Suu Kyi pada 1 Februari 2021. Penduduk Myanmar dengan berani menentang rampasan kuasa; untuk mengenakan pemerintahannya ke atas negara, tentera telah melakukan kekejaman yang meluas. Menurut Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB, ini mungkin menjurus kepada jenayah peperangan dan jenayah terhadap kemanusiaan.

Sepanjang tahun lepas, tentera Myanmar telah mengabaikan sepenuhnya Konsensus Lima Perkara ASEAN mengenai Myanmar, yang telah dipersetujui pada April 2021 dan turut disokong oleh AS. Keganasan berterusan tanpa henti, tiada dialog diantara junta dan pasukan yang menentang pemerintahan tentera, dan bantuan kemanusiaan tidak kesampaian kepada rakyat Myanmar.

Sidang Kemuncak Khas ini memberi peluang yang sempurna kepada rakan sekutu untuk mengusahakan langkah yang diselaraskan untuk membuat Min Aung Hlaing dan juntanya membalaik untuk kegagalan mereka untuk mematuhi perjanjian yang mereka dakwa menurutnya.

*“Kemanusiaan adalah ancaman utama di seluruh Pasifik dan seluruh dunia. Kita mesti berdiri bersama dalam menghadapi kekejaman ini, orang Asia dan Amerika, kerana kita berkongsi keimbangan yang sama terhadap rakyat Myanmar. Sekarang adalah masa untuk ASEAN dan AS menjadikan pakatan bersejarah mereka benar-benar bermakna kepada orang yang sangat memerlukan,”* kata Mercy Barends, Ahli Parlimen di Indonesia dan Ahli Lembaga APHR.



# ASEAN PARLIAMENTARIANS FOR HUMAN RIGHTS

Kami menggesa AS dan ASEAN untuk mengambil langkah yang lebih drastik daripada yang diambil setakat ini, termasuk penggantungan keahlian Myanmar dalam kumpulan itu, larangan perjalanan di rantau ini untuk Min Aung Hlaing dan jeneralnya, dan menyasarkan sekatan terhadap pemimpin rampasan kuasa. AS telah pun mengenakan beberapa sekatan sejak rampasan kuasa, tetapi ia harus mengukuhkannya dengan sekatan terhadap Myanma Oil and Gas Enterprise (MOGE), sebuah konglomerat negara yang telah memberikan 1.5 bilion dolar hasil gas kepada junta.

Kami juga menggesa kerajaan AS dan ASEAN untuk bertemu secara terbuka dengan Kerajaan Perpaduan Nasional (NUG) Myanmar, yang mewakili kerajaan yang dipilih secara demokrasi dan menerima sokongan daripada majoriti rakyat Myanmar.

Akhir sekali, kami menyeru Amerika Syarikat dan ASEAN untuk bekerjasama untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan yang diperlukan oleh rakyat Myanmar dengan segera. Bantuan ini harus disalurkan sebanyak mungkin melalui organisasi berdasarkan komuniti dan masyarakat civil Myanmar, untuk mencapai mereka yang paling memerlukannya dengan berkesan. Amerika Syarikat dan negara anggota ASEAN, khususnya Thailand, juga harus mengalu-alukan rakyat Myanmar yang melarikan diri daripada penganiayaan dan keganasan, dan memberi mereka suaka.

APHR bersedia untuk membantu AS dan ASEAN semasa mereka merangka dan melaksanakan dasar mereka untuk menangani krisis ini, dan akan terus berwaspada untuk memastikan bahawa langkah yang diambil oleh AS dan ASEAN benar-benar berfungsi untuk menyokong aspirasi rakyat Myanmar untuk hak asasi manusia, keamanan dan demokrasi.